

Perilaku sultan

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini mendedahkan insiden raja menganiaya rakyat, menyalahi undang-undang sivil serta jenayah, menyalahgunakan wang, harta kerajaan dan negara serta menekan dan menganiaya pegawai-pegawai.

Perdana Menteri berkata, apa yang tidak pernah dibuat di zaman British dan pada tahun-tahun awalan Malaysia merdeka dilakukan dengan semakin ketara dan meluas.

"Walaupun hampir semua Perdana Menteri dan Menteri Besar melaporkan kepada Majlis Tertinggi (MT) Umno masalah yang mereka hadapi, orang ramai tidak diberitahu mengenainya. Oleh itu, mereka tidak mengetahui masalah yang dihadapi oleh kerajaan.

"Malah, sebahagian besar rakyat terus percaya bahawa sistem Raja Berperlembagaan berjalan dengan baik dengan raja menghormati segala peruntukan dalam Perlembagaan," katanya.

Menurutnya, hanya sebilangan kecil yang mengetahui dan mereka ini memang tidak senang hati dengan perbuatan raja-raja. Tetapi, mereka tidak dapat menyuarakan pandangan dan perasaan mereka kerana adanya Akta Hasutan.

"Sebenarnya, ketiga-tiga Perdana Menteri dahulu, sebagai penasihat kepada raja-raja, telah menegur raja-raja berkali-kali ketika mereka berkhidmat. Saya tahu teguran itu dibuat kerana perkara ini dilaporkan dalam mesyuarat Jemaah

B.H 19 JAN 1993



Menteri dan juga MT Umno berkali-kali," katanya ketika membentangkan rang undang-undang Akta Perlembagaan (Pindaan) 1993 di sidang khas Dewan Rakyat, hari ini.

"Allahyarham Tun Hussein Onn, sewaktu menjadi Perdana Menteri, pernah dalam ucapan bertulis di suatu mesyuarat Majlis Raja-Raja, yang dihadiri hanya oleh duli-duli yang maha mulia atau wakil mereka saja, menegur dengan kerasnya perbuatan raja-raja yang tidak harus dilakukan.

"Tetapi, semua teguran ini tidak berkesan. Perkara-perkara yang disentuh terus dilakukan juga, malah ditingkatkan," tambahnya.

Dr Mahathir berkata Perdana Menteri pertama negara ini, Allahyarham Tunku Abdul Rahman, pernah menulis bahawa kekebalan yang ada pada raja adalah tidak 'satisfactorily' kerana raja boleh membunuh tanpa sebarang tindakan terhadapnya.

Berhubung itu, Perdana Menteri berkata reaksi rakyat terhadap insiden-insiden membabitkan raja jelas menunjukkan

mereka tidak lagi dapat menerima dan bertolak ansur dengan perbuatan seperti itu.

Bagaimanapun, Dr Mahathir menegaskan Akta Hasutan dan peruntukan berkenaan hasutan terhadap raja-raja dalam Artikel 63 (4) Perlembagaan menghalang rakyat daripada mendapatkan maklumat dan menyuarakan pendapat mereka. Mereka hanya dapat bercajak sesama sendiri saja.

Katanya, pemimpin kerajaan memang mendedar dan menyedari pandangan dan kemarahan sebilangan rakyat yang mengetahui perbuatan raja.

"Demikianlah kemarahan mereka, sehingga ada, terutamanya kalangan generasi muda yang menganggap sistem beraja sudah ketinggalan zaman," tambahnya.

Perdana Menteri berkata disebabkan wujud Akta Hasutan dan larangan terhadap mengkritik raja, raja tidak mendengar dan tidak percaya kepada penasihat mereka apabila maklumat disampaikan berkenaan kegelisahan rakyat.

"Dalam keadaan ini, raja bukan saja akan meneruskan amalan yang tidak disenangi atau disukai oleh rakyat tetapi juga akan melakukan perkara-perkara yang lebih dibenci oleh rakyat," katanya.

Dr Mahathir bimbang jika trend ini tidak disekat, perasaan rakyat terhadap raja tentunya akan meluap dan menjadi begitu buruk sehingga pada suatu masa nanti rakyat mungkin tidak lagi dapat membendung perasaan mereka.

makin ketara